

23/06/1998

Malaysia sukar elak campur tangan luar

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak dapat mengelak campur tangan faktor dari luar terhadap usaha memulihkan ekonomi negara kerana faktor negatif itu adalah sebahagian daripada sistem ekonomi bebas.

Ketua Eksekutif Metrowangsa Asset Management, Dr Ghazali Atan, berkata apa yang kerajaan dapat lakukan ialah merangsang ekonomi dengan meningkatkan permintaan dalam negeri serta memudahkan pinjaman perniagaan.

Menurutnya, langkah lain ialah dengan menambah perbelanjaan kerajaan kerana sebarang pengurangan secara mendadak hanya akan memberi kesan lebih teruk terhadap ekonomi yang sudah gawat.

"Kita tidak dapat lari daripada faktor luar kerana sistem ekonomi kita terlalu terbuka.

"Justeru, adalah sukar untuk menyatakan tempoh pemulihan ekonomi negara kerana tanpa faktor negatif demikian sudah tentu kita tidak menghadapi kegawatan ekonomi seperti sekarang," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa ekonomi negara dapat dipulihkan dalam masa tiga bulan jika campur tangan faktor luar dapat dikawal.

Dr Mahathir, pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno semalam, menjelaskan faktor luaran seperti spekulatif pasaran mata wang dan saham serta kadar faedah bank negara jiran memperlambat usaha pemulihan ekonomi negara.

Ghazali berkata, sumber dana baru pembiayaan perniagaan seperti melalui bon perlu diusahakan kerana pasaran saham tidak lagi dapat menyumbang modal yang diperlukan seperti dulu.

Katanya, sistem perbankan negara yang menghadapi masalah seperti pengaliran keluar tunai serta hutang tidak berbayar tidak dapat menyediakan kecairan tunai yang cukup bagi membiayai perniagaan.

Mengenai kadar faedah bank, beliau langkah kerajaan meminta bank-bank mengurangkan julat mereka adalah baik tetapi ia tidak harus dijadikan dasar terbuka bagi mengelakkan serangan berterusan terhadap ringgit.

"Pedagang mata wang akan terus menyerang menyerang ringgit jika saranan kerajaan dijadikan dasar secara terbuka.

"Apa yang perlu dilakukan ialah dengan menegaskan sebarang tindakan menjatuhkan nilai ringgit melalui spekulasi akan ditentang," katanya.

Mengenai saranan supaya Amerika Syarikat turut mengambil langkah serupa mempertahankan nilai ringgit seperti yang dilakukan terhadap mata wang Jepun, ia tidak mungkin dilakukan kerana mereka tidak ada kepentingan.

(END)